



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PRESTASI EKONOMI MALAYSIA PADA SUKU TAHUN KETIGA 2024

**KDNK Malaysia meningkat 5.3 peratus,
disokong oleh pengembangan dalam pelaburan dan perbelanjaan isi rumah**

PUTRAJAYA, 15 NOVEMBER 2024 – Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia pada suku tahun ketiga 2024 bertumbuh 5.3 peratus, berikutan pengembangan 5.9 peratus pada suku tahun sebelumnya. Seiring dengan itu, KDNK meningkat 1.8 peratus (ST2 2024: 2.9%) dari segi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun. Berdasarkan prestasi bulanan, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan kukuh 7.4 peratus pada bulan Julai, seterusnya menyederhana kepada 4.7 peratus pada bulan Ogos dan 4.0 peratus pada bulan September 2024. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam keluaran **Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi Suku Tahun Ketiga 2024** hari ini.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.3 peratus didorong oleh momentum positif dalam semua sektor utama kecuali sektor Perlombongan dan pengkuarian yang merosot pada suku tahun ketiga 2024. Faktor-faktor asas seperti pelaburan pusat data yang semakin berkembang, peningkatan ketara dalam pengimportan barangan modal dan aktiviti pelancongan yang menggalakkan telah memberi kesan positif terhadap pengembangan ekonomi. Bagi tiga suku pertama tahun 2024, ekonomi Malaysia meningkat sebanyak 5.2 peratus (3ST 2023: 3.8%)."

Beliau menambah, "Dari segi prestasi sektoral, sektor **Perkhidmatan** berkembang sebanyak 5.2 peratus (ST2 2024: 5.9%) pada suku tahun ketiga 2024. Prestasi ini disokong oleh penyederhanaan dalam Perdagangan borong & runcit pada 4.2 peratus, berikutan pertumbuhan yang lebih perlahan terutamanya dalam Perdagangan runcit (4.0%) dan Kenderaan bermotor (3.5%). Sementara itu, Perdagangan borong menunjukkan peningkatan pada suku tahun ini pada 4.4 peratus. Subsektor Pengangkutan & penyimpanan dan Perkhidmatan perniagaan menunjukkan pertumbuhan yang lebih baik pada suku tahun ini masing-masing pada 10.6 peratus dan 8.5 peratus. Pertumbuhan ini mencerminkan pengembangan dalam segmen

penumpang terutamanya dalam pengangkutan darat dan udara serta aktiviti berkaitan perjalanan dan pelancongan, yang menyokong trend menggalakkan dalam aktiviti pelancongan. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor Perkhidmatan berkembang 1.7 peratus (ST2 2024: 3.3%)”.

Sektor **Pembuatan** meningkat kepada 5.6 peratus (ST2 2024: 4.7%) pada suku tahun ini, dipacu oleh pertumbuhan yang lebih baik dalam industri berorientasikan eksport seperti Produk elektrik, elektronik & optikal (5.6%) dan Produk petroleum, kimia, getah & plastik (4.4%). Walau bagaimanapun, industri berorientasikan domestik menyederhana dipengaruhi oleh pertumbuhan perlahan dalam Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan berikutan pengeluaran yang lebih rendah dalam kenderaan bermotor & peralatan pengangkutan. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor Pembuatan meningkat sebanyak 2.0 peratus (ST2 2024: 3.1%).

Sektor **Pembinaan** merekodkan pertumbuhan kukuh sebanyak 19.9 peratus (ST2 2024: 17.3%), pengembangan terpantas sejak suku tahun kedua 2021. Kesemua segmen menunjukkan pertumbuhan memberangsangkan diterajui oleh Bangunan bukan kediaman (28.1%), diikuti oleh Aktiviti pembinaan pertukangan khas (21.7%), Bangunan kediaman (22.7%) dan Kejuruteraan awam (10.7%). Di samping projek berkaitan pusat data, terdapat projek berskala besar yang sedang dijalankan, khususnya dalam pembinaan jalan raya & landasan kereta api serta utiliti. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor ini meningkat 5.7 peratus (ST2 2024: 8.7%).

Di samping itu, sektor **Pertanian** berkembang 3.9 peratus (ST2 2024: 7.3%), berikutan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam subsektor Kelapa sawit pada 7.3 peratus. Pertanian lain meningkat 1.8 peratus pada suku tahun ini disebabkan oleh peningkatan dalam aktiviti sayur-sayuran dan buah-buahan. Sektor ini mencatatkan pertumbuhan marginal 0.5 peratus (ST2 2024: 1.7%) bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun. Walau bagaimanapun, sektor **Perlombongan & pengkuarian** merosot pada suku tahun ini kepada negatif 3.9 peratus (ST2 2024: 2.7%) dipengaruhi oleh penguncupan dalam subsektor Minyak mentah & kondensat dan Gas asli masing-masing pada -7.3 peratus dan -2.8 peratus. Sektor ini menurun kepada -1.1 peratus (ST2 2024: -4.0%) bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun.

Mengulas lanjut, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa, "**Penggunaan akhir swasta** atau perbelanjaan isi rumah yang menyumbang 61.7 peratus kepada KDNK, meningkat 4.8 peratus (ST2 2024: 6.0%) pada suku tahun ini. Prestasi ini disokong oleh penggunaan yang lebih tinggi dalam Pengangkutan (13.7%) dan Restoran & hotel (14.2%), manakala penggunaan dalam Makanan dan minuman bukan alkohol menyederhana kepada 3.7 peratus (ST2 2024: 7.2%). Perjalanan ke luar negara meningkat pada suku tahun ini, menunjukkan permintaan yang tinggi dalam

pelancongan disokong oleh peningkatan frekuensi penerbangan. Sementara itu, peningkatan pelancong masuk telah mengukuhkan permintaan merentasi pelbagai sektor. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, prestasi keseluruhan Perbelanjaan penggunaan akhir swasta merosot kepada -0.5 peratus (ST2 2024: 4.5%)”.

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) atau pelaburan dalam aset tetap terus berkembang kepada 15.3 peratus daripada 11.5 peratus pada suku tahun sebelumnya, mencerminkan peningkatan ketara dalam aktiviti pelaburan khususnya dalam sektor Pembinaan. Kesemua jenis aset mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan didorong oleh Struktur (18.6%) dan Jentera & peralatan (12.3%), serta Aset Lain (10.7%). PMTK mengikut sektor menunjukkan kedua-dua sektor Awam dan Swasta mencatat pertumbuhan dua digit pada suku tahun ketiga 2024. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, PMTK meningkat 5.7 peratus (ST2 2024: 5.1%).

Beliau juga menyebut bahawa, “**Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan** berkembang kepada 4.9 peratus (ST2 2024: 3.6%), disumbangkan oleh perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan meningkat sebanyak 5.1 peratus (ST2 2024: 0.2%) pada suku tahun ini. **Import** meningkat lebih tinggi daripada **Eksport** masing-masing kepada 13.5 peratus (ST2 2024: 8.7%) dan 11.8 peratus (ST2 2024: 8.4%). Oleh itu, **Eksport bersih** menguncup sebanyak 8.8 peratus berbanding peningkatan 3.4 peratus pada suku tahun sebelumnya.”

Secara ringkasnya, ekonomi Malaysia menunjukkan daya tahan walaupun dengan ketidaktentuan ekonomi global. Permintaan domestik akan terus menjadi pendorong utama pertumbuhan, disokong oleh faktor-faktor seperti inflasi yang sederhana, prestasi pasaran buruh yang lebih baik dan projek infrastruktur yang berterusan. Selain itu, pelarasan gaji penjawat awam di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) baharu pada Disember 2024 dijangka akan merangsang perbelanjaan pengguna pada suku tahun keempat 2024. Menjelang tahun 2025, ekonomi dijangka mengekalkan trajektori positif dengan pengenalan gaji minimum baharu, seterusnya meningkatkan penggunaan domestik dan mengukuhkan kestabilan serta pertumbuhan ekonomi.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 15 November 2024


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
15 NOVEMBER 2024**


LAMPIRAN

**Carta 1: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK),
ST1 2021 – ST3 2024 dan 3ST 2021 – 3ST 2024**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Carta 2: Pertumbuhan KDNK Tahunan, 2000 – 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 15 November 2024

Carta 3: Pertumbuhan KDNK Bulanan dan Suku Tahunan, 2021-2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 4: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, ST2 2024 & ST3 2024




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 5: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Perbelanjaan, ST2 2024 & ST3 2024




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 6: Pertumbuhan KDNK Bulanan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, Julai – September 2024




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 7: KDNK Pelarasan Musim
(Perubahan Peratusan dari Suku Tahun Sebelumnya), ST1 2019 – ST3 2024**














Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 8: Pendapatan Negara Kasar (PNK) Per Kapita, ST1 2021 – ST3 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 1: Perbandingan KDNK dengan Negara Terpilih

| Negara Terpilih | 2022 | 2023 | 2022 | | | | 2023 | | | | 2024 | | |
|---|------|------|------|-----|------|-----|------|-----|-----|------|------|-----|------|
| | | | ST1 | ST2 | ST3 | ST4 | ST1 | ST2 | ST3 | ST4 | ST1 | ST2 | ST3 |
| NEGARA ASEAN | | | | | | | | | | | | | |
|  Malaysia | 8.9 | 3.6 | 5.1 | 8.9 | 14.4 | 7.4 | 5.5 | 2.8 | 3.1 | 2.9 | 4.2 | 5.9 | 5.3 |
|  Singapura | 3.8 | 1.1 | 4.2 | 4.6 | 4.2 | 2.4 | 0.5 | 0.5 | 1.0 | 2.2 | 3.0 | 2.9 | 4.1* |
|  Indonesia | 5.3 | 5.1 | 5.0 | 5.5 | 5.7 | 5.0 | 5.0 | 5.2 | 4.9 | 5.0 | 5.1 | 5.1 | 5.0 |
|  Filipina | 7.6 | 5.5 | 8.1 | 7.5 | 7.7 | 7.1 | 6.4 | 4.3 | 6.0 | 5.5 | 5.8 | 6.4 | 5.2 |
| NEGARA LAIN | | | | | | | | | | | | | |
|  Amerika Syarikat | 2.5 | 2.9 | 4.0 | 2.5 | 2.3 | 1.3 | 2.3 | 2.8 | 3.2 | 3.2 | 2.9 | 3.0 | 2.7* |
|  Kesatuan Eropah | 3.5 | 0.4 | 5.6 | 4.1 | 2.8 | 1.7 | 1.2 | 0.5 | 0.1 | 0.4 | 0.6 | 0.8 | 0.9* |
|  Sepanyol | 6.2 | 2.7 | 6.9 | 7.3 | 6.1 | 4.6 | 3.9 | 2.4 | 2.2 | 2.3 | 2.6 | 3.2 | 3.4* |
|  Itali | 4.7 | 0.7 | 7.1 | 6.3 | 3.6 | 2.4 | 2.3 | 0.5 | 0.1 | 0.3 | 0.3 | 0.6 | 0.4* |
|  Perancis | 2.6 | 0.9 | 4.6 | 3.7 | 1.4 | 0.9 | 1.0 | 1.3 | 0.9 | 1.3 | 1.5 | 1.0 | 1.3* |
|  United Kingdom | 4.3 | 0.1 | 11.4 | 3.9 | 2.1 | 0.6 | 0.3 | 0.2 | 0.2 | -0.2 | 0.3 | 0.9 | t.t |
|  Republik Rakyat China | 3.0 | 5.2 | 4.8 | 0.4 | 3.9 | 2.9 | 4.5 | 6.3 | 4.9 | 5.2 | 5.3 | 4.7 | 4.6 |
|  Republik Korea | 2.7 | 1.4 | 3.5 | 3.0 | 3.4 | 1.1 | 1.1 | 1.0 | 1.4 | 2.1 | 3.3 | 2.3 | 1.5* |

Sumber: Laman web rasmi Agensi Statistik Negara Terpilih

Nota:

- % merujuk kepada perubahan tahun ke tahun
- * merujuk kepada anggaran awalan
- n.a merujuk kepada tidak tersedia

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MALAYSIA ECONOMIC PERFORMANCE THIRD QUARTER OF 2024

Malaysia's GDP increased 5.3 per cent, supported by expansion in investment and household spending

PUTRAJAYA, NOVEMBER 15, 2024 – Malaysia's Gross Domestic Product (GDP) in the third quarter of 2024 grew 5.3 per cent, following a 5.9 per cent expansion in the previous quarter. Correspondingly, GDP increased 1.8 per cent (Q2 2024: 2.9%) in terms of quarter-on-quarter seasonally adjusted. Based on the monthly performance, Malaysia's economy posted a strong growth of 7.4 per cent in July, which then softened to 4.7 per cent in August and 4.0 per cent in September 2024. This is reported by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of **Gross Domestic Product (GDP) for the Third Quarter of 2024**.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The economic growth of 5.3 per cent was driven by the positive momentum of all key sectors except the Mining and quarrying sector which declined in the third quarter of 2024. The underlying factors such as emerging data center investments, significant rise in the importation of capital goods and robust tourism activities have positively impacted the economic expansion. For the first three quarters of 2024, Malaysia's economy rose by 5.2 per cent (3Q 2023: 3.8%)".

He added that, "In terms of sectoral performance, the **Services** sector expanded by 5.2 per cent (Q2 2024: 5.9%) in the third quarter of 2024. The performance was underpinned by the moderation in Wholesale & retail trade at 4.2 per cent, following slower growth particularly in Retail trade (4.0%) and Motor vehicles (3.5%). Meanwhile, Wholesale trade showed an improvement in this quarter at 4.4 per cent. Transportation & storage and Business services sub-sectors showed better growth in this quarter at 10.6 per cent and 8.5 per cent, respectively. This growth highlights the expansion in the passenger segment mainly in land and air transport as well as travel and tour related activities, fostering an encouraging trend in tourism activities. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the Services sector grew 1.7 per cent (Q2 2024: 3.3%)".

The **Manufacturing** sector rose to 5.6 per cent (Q2 2024: 4.7%) in this quarter, driven by the better growth in export-oriented industries such as Electrical, electronic & optical products (5.6%) and Petroleum, chemical, rubber & plastic products (4.4%). Nonetheless, the domestic-oriented industries moderated, influenced by a slower growth in Transport equipment, other manufacturing and repair following a lower production in motor vehicles & transport equipment. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the Manufacturing sector increased by 2.0 per cent (Q2 2024: 3.1%).

The **Construction** sector recorded a solid growth of 19.9 per cent (Q2 2024: 17.3%), marking its fastest expansion since the second quarter of 2021. All segments displayed robust growth led by the Non-residential buildings (28.1%), followed by the Specialised construction activities (21.7%), Residential buildings (22.7%) and Civil engineering (10.7%). In addition to the data centre-related projects, there are large-scale projects underway, primarily in the construction of roads & railways and utility. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, this sector increased 5.7 per cent (Q2 2024: 8.7%).

In addition, the **Agriculture** sector grew 3.9 per cent (Q2 2024: 7.3%), owing to slower growth in the Oil palm sub-sector at 7.3 per cent. Other agriculture increased 1.8 per cent in this quarter, attributed to the uptick in vegetables and fruits activities. This sector registered a marginal growth of 0.5 per cent (Q2 2024: 1.7%) on a quarter-on-quarter seasonally adjusted. Nevertheless, the **Mining and quarrying** sector declined in this quarter to negative 3.9 per cent (Q2 2024: 2.7%), influenced by the contraction in the Crude oil & condensate and Natural gas sub-sectors at -7.3 per cent and -2.8 per cent, respectively. This sector decreased to -1.1 per cent (Q2 2024: -4.0%) in terms of quarter-on-quarter seasonally adjusted.

Commenting further, the Chief Statistician Malaysia stated that “**Private final consumption** or household expenditure contributed 61.7 per cent to GDP, increased by 4.8 per cent (Q2 2024: 6.0%) in this quarter. The performance was supported by the higher consumption in Transport (13.7%) and Restaurants & hotels (14.2%), while consumption in Food and non-alcoholic beverages moderated to 3.7 per cent (Q2 2024: 7.2%). Outbound travel grew in this quarter, indicating high demand in tourism aided by the increase in flight frequencies. Meanwhile, the rising inbound tourists have amplified demand across multiple sectors. On quarter-on-quarter seasonally adjusted, the overall performance of Private final consumption expenditure declined to -0.5 per cent (Q2 2024: 4.5%)”.

Gross fixed capital formation (GFCF) or investment in fixed assets, expanded further to 15.3 per cent from 11.5 per cent in the preceding quarter, reflecting a notable increase in investment activities, particularly in the Construction sector. All types of assets registered robust growth, driven by Structure (18.6%) and Machinery & equipment (12.3%), as well as Other assets (10.7%). GFCF by sector showed that both the Public and Private sectors registered double-digit growth in the third quarter of 2024. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the GFCF grew 5.7 per cent (Q2 2024: 5.1%).

Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 15th November 2024

He also mentioned that, “**Government final consumption expenditure** rose to 4.9 per cent (Q2 2024: 3.6%), led by spending on supplies and services. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, Government final consumption expenditure increased by 5.1 per cent (Q2 2024: 0.2%) in this quarter. **Imports** accelerated higher than **Exports** to 13.5 per cent (Q2 2024: 8.7%) and 11.8 per cent (Q2 2024: 8.4%), respectively. Thus, **Net exports** contracted by 8.8 per cent as compared to an increase of 3.4 per cent in the preceding quarter.”

In summary, Malaysia’s economy is demonstrating resilience amid global economic uncertainties. Domestic demand will continue to be a key growth driver, bolstered by factors such as modest inflation, improving labor market and continuous infrastructure projects. Furthermore, the salary adjustment for civil servants under the new Public Service Remuneration System (SSPA) in December 2024 is likely to encourage consumer spending in the upcoming fourth quarter of 2024. Looking ahead to 2025, the economy is expected to sustain the positive trajectory with the introduction of new minimum wage, thus enhancing local consumption and reinforcing economic stability and growth.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
15 NOVEMBER 2024**


APPENDIX

**Chart 1: Gross Domestic Product (GDP),
Q1 2021 – Q3 2024 and 3Q 2021 – 3Q 2024**



Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 2: Annual GDP Growth, 2000 – 2023



Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 3: Monthly and Quarterly GDP Growth, 2021 – 2024






Chart 6: Monthly GDP Growth by Kind of Economic Activity, July – September 2024



Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 7: Seasonally Adjusted GDP (Percentage Change from Preceding Quarter), Q1 2019 – Q3 2024



Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 8: Gross National Income (GNI) Per Capita, Q1 2021 – Q3 2024



Source: Department of Statistics Malaysia

Table 1: GDP Performance for Selected Countries

| Selected Countries | 2022 | 2023 | 2022 | | | | 2023 | | | | 2024 | | |
|--|------|------|------|-----|------|-----|------|-----|-----|------|------|-----|------|
| | | | Q1 | Q2 | Q3 | Q4 | Q1 | Q2 | Q3 | Q4 | Q1 | Q2 | Q3 |
| ASEAN COUNTRIES | | | | | | | | | | | | | |
|  Malaysia | 8.9 | 3.6 | 5.1 | 8.9 | 14.4 | 7.4 | 5.5 | 2.8 | 3.1 | 2.9 | 4.2 | 5.9 | 5.3 |
|  Singapore | 3.8 | 1.1 | 4.2 | 4.6 | 4.2 | 2.4 | 0.5 | 0.5 | 1.0 | 2.2 | 3.0 | 2.9 | 4.1* |
|  Indonesia | 5.3 | 5.1 | 5.0 | 5.5 | 5.7 | 5.0 | 5.0 | 5.2 | 4.9 | 5.0 | 5.1 | 5.1 | 5.0 |
|  Philippines | 7.6 | 5.5 | 8.1 | 7.5 | 7.7 | 7.1 | 6.4 | 4.3 | 6.0 | 5.5 | 5.8 | 6.4 | 5.2 |
| OTHER COUNTRIES | | | | | | | | | | | | | |
|  United States of America | 2.5 | 2.9 | 4.0 | 2.5 | 2.3 | 1.3 | 2.3 | 2.8 | 3.2 | 3.2 | 2.9 | 3.0 | 2.7* |
|  European Union | 3.5 | 0.4 | 5.6 | 4.1 | 2.8 | 1.7 | 1.2 | 0.5 | 0.1 | 0.4 | 0.6 | 0.8 | 0.9* |
|  Spain | 6.2 | 2.7 | 6.9 | 7.3 | 6.1 | 4.6 | 3.9 | 2.4 | 2.2 | 2.3 | 2.6 | 3.2 | 3.4* |
|  Italy | 4.7 | 0.7 | 7.1 | 6.3 | 3.6 | 2.4 | 2.3 | 0.5 | 0.1 | 0.3 | 0.3 | 0.6 | 0.4* |
|  France | 2.6 | 0.9 | 4.6 | 3.7 | 1.4 | 0.9 | 1.0 | 1.3 | 0.9 | 1.3 | 1.5 | 1.0 | 1.3* |
|  United Kingdom | 4.3 | 0.1 | 11.4 | 3.9 | 2.1 | 0.6 | 0.3 | 0.2 | 0.2 | -0.2 | 0.3 | 0.9 | n.a |
|  People's Republic of China | 3.0 | 5.2 | 4.8 | 0.4 | 3.9 | 2.9 | 4.5 | 6.3 | 4.9 | 5.2 | 5.3 | 4.7 | 4.6 |
|  Republic of Korea | 2.7 | 1.4 | 3.5 | 3.0 | 3.4 | 1.1 | 1.1 | 1.0 | 1.4 | 2.1 | 3.3 | 2.3 | 1.5* |

Source: Official website of Selected National Statistical Office

Note:

- % refers to year-on-year change
- * refers to advance estimates
- n.a refers to not available